

CNS2880

R GB 10-08 00172 BA437

bah

**USAHA KESAN RAKYAT TERMISKIN GIAT DIJALANKAN**

Negara - miskin

**KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata kerajaan sedang mempergiatkan usaha mengesan kedudukan pendapatan keluarga termiskin semenjak Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di **jalankan** tiga tahun **lepas**.

Beliau berkata usaha pengesanan yang akan selesai akhir tahun **ini** jika mendapati **ada** keluarga termiskin yang memperolehi pendapatan melebihi **paras** kemiskinan akan dikeluarkan daripada Daftar Rakyat Termiskin.

+Pada masa yang **sama**, mereka yang baru **dikesan**, ataupun belum didaftar, akan dimasukkan dalam Daftar Rakyat Termiskin untuk tahun 1992 pula ,+ katanya ketika **menjawab** soalan Senator Haji **Saidin** Mohamad dpada persidangan Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata walaupun usaha-usaha mengemaskini daftar untuk seluruh negara **belum** lengkap, usaha mengemaskini daftar itu serta usaha menilai kedudukan sosio-ekonomi keluarga-keluarga termiskin sebenarnya dibuat secara **berterusan** di beberapa negeri.

Ketika menjawab soalan tambahan Senator Dahalan Haji **Embun**, Dr **Mahathir** berkata kerajaan bukan sahaja **memberitumpuan** membanteras kemiskinan di luar bandar, bahkan di bandar-bandar. -- **Lagi**

▼10/08/1 6-05MST

♦

CNS2883

R GB10-08 00106 BA438

bah

Negara - Miskin 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Menjawab soalan Senator Hajah Zaleha Hussin, beliau berkata kerajaan **pusat** tidak **mengetahui** apa tujuan Tabung Serambi Mekah yang diwujudkan oleh kerajaan negeri Kelantan.

+**Kita** tidak diberitahu **sama** sekali mengenai tabung itu dan **sama** **ada** wang kutipan tabung itu digunakan untuk membasmi kemiskinan rakyat negeri Kelantan,+ katanya.

Menjawab soalan Senator Datuk **Azumu** Tak, beliau berkata kerajaan memang mempnyai **banyak** rancangan untuk membasmi kemiskinan.

+Pada asasnya, **kita** percaya bahawa seseorang itu **miskin** sebab keadaan tertentu dan kalau keadaan itu dapat **kita** atasi, masalah kemiskinan akan dapat di **bendung**,+ **tambahnya**. -- Bernama